

Unsur Semiotik dalam Penterjemahan

Semiotik merupakan kajian atau penyelidikan tentang struktur, sistem, fungsi dan proses perlambangan atau simbol, maksud atau tafsiran perlambangan atau simbol, serta cara kedua-duanya digunakan. Dari sudut linguistik, bidang semiotik ialah kajian tentang cara sesuatu maksud atau makna itu dicipta dan digunakan untuk berkomunikasi. Bidang semantik juga mengkaji penghasilan, pemindahan, pertukaran dan pentafsiran mesej yang terkandung dalam lambang-lambang tersebut. Winner (1978) menjelaskan konsep "lambang" ini untuk merujuk apa-apa sahaja yang dapat ditafsirkan dan dapat pula dicerap atau ditanggap dari segi fizikal dan mental. Satu contoh sistem lambang yang amat dekat dengan manusia ialah bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana kesemua perkataan, termasuklah imej atau grafik, mewakili lambang memandangkan elemen tersebut dapat menghasilkan atau mencipta makna.

Justeru, jika kita melihat dari perspektif dan ruang lingkup bidang terjemahan (yang juga salah satu cabang bahasa), penterjemahan itu bukan sekadar berasaskan bahasa, tetapi juga berpaksikan lambang kerana penterjemahan berkaitan dengan pemindahan sistem lambang. Penterjemahan membentuk satu perlakuan semiotik kerana wujudnya transisi daripada satu sistem lambang kepada sistem lambang yang lain, sama ada bersifat verbal atau bukan verbal. Asmah (2008) menganggap bahawa penterjemahan itu sendiri sebagai pemindahan semiotik kerana penterjemahan bukan sekadar mencari padanan

kata antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran, tetapi juga mengalami perubahan tertentu dalam pemindahan maklumat. Malah, ciri-ciri semiotiklah yang membentuk asas bagi kesemua pemikiran, bahasa, penggunaan bahasa dan komunikasi.

Justeru, setiap teks akan sentiasa mempunyai unsur yang bukan sekadar dilihat sebagai bahagian teks dengan segala konteks dan situasi yang melingkunginya, tetapi juga sebagai tanda yang dimaknai oleh penulis dan pembaca teks sumber dan pembaca teks sasaran.

Perbincangan tentang pendekatan semiotik dapat ditemukan dalam Hewson dan Martin (1991), iaitu tentang "language-culture" dan bukan sekadar "language". Perkaitan semiotik dengan penterjemahan pula bermula lewat tahun 1950-an apabila tokoh linguistik dan semiologi, Roman Jakobson mengemukakan pandangan beliau terhadap tiga mod terjemahan iaitu intralingual, interlingual dan intersemiotik.

Pertama, terjemahan intralingual lebih kepada penyusunan semula perkataan (*rewording*). Terjemahan intralingual merupakan satu interpretasi lambang verbal kepada lambang lain dalam sistem bahasa yang sama. Mod jenis ini merangkumi empat subkategori seperti yang berikut: terjemahan diakronik, iaitu antara peringkat sejarah yang berbeza dalam satu bahasa yang sama; terjemahan dialek, iaitu antara variasi geografi,

Dalam terjemahan intersemiotik, satu atau lebih saluran komunikasi yang digunakan dalam teks terjemahan adalah berbeza daripada saluran komunikasi yang digunakan dalam teks sumber.

sosial

atau

generasi

yang berbeza dalam satu bahasa yang sama; terjemahan diamesik, iaitu perubahan dalam mod bahasa seperti daripada bentuk ucapan kepada bentuk bertulis, dan sebaliknya; dan akhir sekali, transliterasi yang melibatkan perubahan abjad.

Kedua, terjemahan interlingual pula dikenali sebagai terjemahan wajar, iaitu terjemahan antara dua bahasa yang berbeza. Terjemahan interlingual merupakan interpretasi lambang verbal kepada lambang lain dalam sistem bahasa yang berbeza. Terjemahan jenis ini merupakan terjemahan yang paling biasa ditemui kerana terjemahan ini melibatkan pemindahan makna daripada bahasa sumber yang berbeza daripada bahasa sasarannya.

Akhir sekali, terjemahan intersemiotik atau transmutesis merupakan satu interpretasi lambang verbal kepada lambang sistem bukan verbal. Dalam terjemahan intersemiotik, satu atau lebih saluran komunikasi yang digunakan dalam teks terjemahan adalah berbeza daripada saluran komunikasi yang digunakan

Lantaran itu, transformasi sistem semiotik sebeginilah yang membawa banyak pengkaji dan sarjana terjemahan membentuk perspektif baharu dalam bidang terjemahan seperti konsep kesamaan (*equivalence*), penghasilan semula (*negotiation*), penambahan (*adding*), pengguguran (*omitting* atau *deletion*) dan pengantaraan (*mediation*) untuk mengelakkan situasi ketidakbolehterjemahan dan kehilangan makna sebenar.

dalam teks sumber. Situasi ini bermaksud bahawa teks sumber dan teks terjemahannya tidak setara dari segi semiotiknya. Dapat dimasukkan ke dalam mod ketiga ini ialah contoh pengungkapan sebuah novel atau komik yang diangkat menjadi sebuah filem yang akan diperincikan pada bahagian selanjutnya nanti.

Sebagai rumusan terhadap perincian ketiga-tiga mod ini, perlu ditegaskan juga bahawa mod-mod yang dikemukakan oleh Jakobson ini sentiasa saling berkait rapat antara satu sama lain walaupun pengertian konsepnya berbeza.

Tiga puluh tahun selepas itu, menyusul pula Itamar Even-Zohar pada tahun 1990 dan 1997 yang menerangkan lagi teori pemindahan makna. Teori ini berakar umbi teori polisistem beliau yang menjelaskan bahawa teks yang dihasilkan dalam sistem budaya A dihasilkan semula dalam sistem budaya B melalui kerja-kerja penterjemahan. Teori pemindahan makna ini telah digunakan dalam kebanyakan penyelidikan, bermula daripada kajian yang berkaitan dengan pemindahan bahasa sehinggalah kepada kajian tentang terjemahan kesusasteraan dan terjemahan skrin.

Semiotik dalam Terjemahan Kesusasteraan

Berbalik kepada terjemahan intersemiotik yang melibatkan pemindahan struktur kandungan makna dalam novel atau komik kepada filem atau program bersiri televisyen, terjemahan ini perlu dilihat dari sudut pendekatan "perspektif multimodal", iaitu pemindahan maknanya berbeza daripada teks bertulis yang lain kerana terjemahan ini turut membabitkan elemen-elemen lain, iaitu bunyi, imej dan muzik. Terjemahan novel atau komik juga membawa bersama faktor politik, ekonomi, budaya dan psikoanalitik yang sudah tentunya akan menentukan kejayaan atau kegagalan sesebuah filem dan drama yang diadaptasikan daripada komik atau novel di pasaran antarabangsa. Sebagai contoh, novel-novel hebat seperti "The Great Gatsby" karya F. Scott Fitzgerald dan "The Lord Of The Rings" oleh J.R.R. Tolkien atau komik-komik keluaran Marvel Comics dan DC Comics seperti "Superman" dan "Wolverine" yang sudah pun diangkat ke layar perak, mungkin menempa kejayaan pecah

panggung di negara A tetapi tidak di negara B dan negara C. Hal ini mungkin kerana wujudnya elemen asing dalam budaya dan semiotik yang dipaparkan dalam novel atau komik asal yang adakalanya tidak begitu difahami dan tidak diterima oleh pemahaman lambang atau budaya penonton sasaran di negara yang menayangkan filem tersebut.

Lantaran itu, transformasi sistem semiotik sebeginilah yang membawa banyak pengkaji dan sarjana terjemahan membentuk perspektif baharu dalam bidang terjemahan seperti konsep kesamaan (*equivalence*), penghasilan semula (*negotiation*), penambahan (*adding*), pengguguran (*omitting* atau *deletion*) dan pengantaraan (*mediation*) untuk mengelakkan situasi ketidakbolehterjemahan dan kehilangan makna sebenar. Penterjemahan semiotik haruslah mencapai dan mendukung konsep pentafsiran bentuk perlambangan dan simbol yang sama juga dalam bahasa sasaran. Sekiranya hal yang sedemikian ini tidak berlaku, maka penterjemahan itu tidak akan ada titik kesudahannya.

Memandangkan semiotik itu sendiri mendukung konsep semantik, maka apa sahaja saluran yang membentuk



komunikasi haruslah membawa kandungan maknanya sekali. Malah, komunikasi bukan verbal juga berhak dilabelkan sebagai sebahagian daripada "teks" yang membolehkan muzik, grafik dan juga bahasa isyarat serta mesej Braille dapat disampaikan kepada golongan sasaran secara efektif dan menyeluruh.

Semiotik dalam Terjemahan Audiovisual

Terjemahan audiovisual pula perlu dilihat dalam sisi yang berbeza

daripada terjemahan buku, novel, dokumen dan bahan bertulis yang lain. Filem, contohnya, merupakan lambang makna yang kompleks yang terdiri daripada pelbagai kod seperti verbal (dialek, sosiolek); kesusasteraan dan teater (jalan cerita, dialog); proksemik dan kinetik (merujuk kepada persembahan atau pertunjukan bukan verbal), dan sinematik (teknik, genre). Delabastita (1990) menggariskan empat elemen asas yang mencirikan teks audiovisual serta membentuk platform bagi tekstur semiotiknya, iaitu:

- (a) Akustik-verbal: dialog, monolog, lagu, nada.
- (b) Akustik-bukan verbal: skor muzik, kesan bunyi.
- (c) Visual-bukan verbal: imej, fotografi, gerak isyarat.
- (d) Visual-verbal: sisipan, sepanduk, huruf, mesej pada skrin komputer, tajuk utama akhbar.

Berdasarkan perincian empat elemen ini, ternyata bahawa hampir kesemua teks audiovisual yang diterjemahkan bersifat multimodal kerana teks audiovisual melibatkan pelbagai sumber semiotik seperti bahasa, bunyi dan imej. Maka dengan ini, interaksi dan integrasi sumber semiotik ini perlu ada dalam usaha mencapai fungsi komunikatif teks tersebut.

Sebagai rumusannya, dapat disimpulkan bahawa transformasi yang melanda bidang terjemahan kini telah beralih daripada perspektif linguistik semata-mata kepada metodologi terjemahan yang menggabungkan disiplin bukan linguistik seperti semiotik, untuk memberikan nilai tambah kepada teori klasik sedia ada. Sifat terjemahan itu sendiri bukan sekadar tentang bahasa dan perkataan, tetapi menjangkau sistem simbol dan perlambangan sama ada bersifat verbal atau bukan verbal. Tujuan hakiki sesuatu terjemahan adalah untuk menyampaikan komunikasi kepada kelompok berlainan bahasa, budaya, dan norma secara lancar dan berkesan. Lantaran itu, menjadi tugas seorang penterjemah untuk menghasilkan semula atau mencipta perlambangan dan simbol bahasa dan budaya pembaca sasarannya agar dapat membentuk satu kesan atau aura yang sama dirasakan oleh pembaca asal sebelum ini. DB